




## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 25 RABU 21 JUN, 1967. 1387 ربيع الاول 1370 PERCHUMA



Y. B. Dato Paduka Haji Awang Jamil

**Beribu2 orang  
saksikan perayaan  
Hari Keputeraan  
Nabi Mohammad  
s.a.w.  
di-Bandar Brunei**

**BANDAR BRUNEI —** Lebih dari 4,000 orang umat Islam di-Daerah Brunei dan Muara telah mengambil bahagian dalam satu perarakan kerana merayakan Hari Keputeraan Junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. yang telah di-langsungkan pada petang semalam.

Hampir2 sa-ribu dari mereka yang mengambil bahagian itu terdiri dari kaum wanita dan lebih 600 orang peserta ada-lah pelajar2 perempuan dari sekolah2 dan maktab2 di-daerah ini.

Di-antara 85 pasokan yang mengambil bahagian itu, termasuklah 12 buah dari pasokan2 kampung yang masing2 di-wakili oleh sa-hingga 100 orang peserta.

Perarakan yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Uga-ma itu telah di-dahului dengan tembakan meriam sa-banyak 12 das dan sa-jurus sa-telah itu perarakan mula bergerak dari Padang Besar, Bandar Brunei.

(Lihat muka 8)

## Pengarah DBP berseru Gunakan Bahasa Melayu

**BANDAR BRUNEI —** Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Awang Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar menyatakan bahawa beliau merasa puas hati atas sambutan baik dari sharikat2 perniagaan di-negeri ini kerana menyahut seruan menggunakan bahasa Melayu.

Beliau menegaskan bahawa kebanyakan sharikat2 itu telah pun menukarkan perkataan2 asing ka-Bahasa Melayu baik pada papan2 nama, surat menyurat dan resit2.

Namun begitu, Dato Paduka Haji Awang Jamil menekankan bahawa maseh ada sa-tengah2-nya belum dapat menggunakan bahasa Melayu dan ini ada-lah di-sebabkan kekurangan pengetahuan mereka mengenai penggunaan bahasa tersebut.

Beliau menyeru mereka supaya menyedari kedudokkan Bahasa Melayu di-negeri ini sa-bagai sifat-nya bahasa rasmi negara yang termaktub dalam perlembagaan.

Kerajaan, tegas beliau, telah menyediakan darjah2 mempelajari bahasa tersebut dan mereka ada-lah di-alu2kan untuk memasoki-nya.

Kapada sharikat2 perniagaan yang telah memberikan kerjasama mengenai penggunaan Bahasa Melayu itu beliau menguchapkan tahniah-nya dan berharap kapada yang belum menggunakan-nya supaya menyedari kedudokkan bahasa itu.

### MEMUASKAN

Menyebut mengenai penggunaan-nya di-kalangan Jabatan2 Kerajaan, Dato Paduka Haji Awang Jamil mensifatkan-nya sa-bagai memuaskan.

Tetapi, tegas beliau, ada juga jabatan2 yang belum dapat menggunakan Bahasa Melayu baik dalam hubungan surat menyurat antara jaba-

tan2, apa lagi hubungan2 yang lain dalam negeri.

Ini beliau menyedari ada-lah di-sebabkan mereka kurang mengetahui Bahasa Melayu terutama dalam penggunaan-nya pada istilah2 teknikal.

Dato Paduka Haji Awang Jamil mengingatkan bahawa tiap2 pegawai harus menyedari kedudukan bahasa itu yang di-sifatkan beliau sa-bagai lambang Kerajaan, dan mereka yang belum tahu haruslah mempelajari-nya.

Tiap2 jabatan, tegas beliau, harus membantu pada penggunaan-nya dan dengan jalan itu Bahasa Melayu akan dapat digunakan sa-luas2-nya.

Mengenai penggunaan Bahasa Melayu di-kalangan orang ramai, Pengarah Dewan Bahasa itu tidak merasa ragu2 lagi, kerana sa-bilangan besar penduduk2 negeri ini ada-lah menggunakan bahasa Melayu pada sa-tiap hari.



Gambar atas kelihatan ketika perarakan sambutan Hari Keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. di-Bandar Brunei semalam dengan di-saksikan oleh beribu2 manusia dengan tidak mengindahkan hujan yang turun renyai2.

# Muzium hadapi bangunan baru— Pegawai-nya di-lateh ka-seberang laut

**BANDAR BRUNEI**—Penyelenggara Muzium, Pengiran Sharifuddin berkata Muzium Brunei akan mempunyai kakitangan2 yang berkelulusan apabila bangunan baru siap di-bena dalam tahun 1969 atau tahun 1970.

Tapak muzium baru itu telah di-sediakan di-atas sebuah bukit di-Kota Batu, berhadapan dengan Sungai Brunei dan kerja2 ka-atas bangunan baru itu di-jangka akan di-ke-mukakan kepada tawaran tidak lama lagi.

Muzium baru itu di-taksirkan berharga kira2 sa-banyak dua perpuluhan lima juta ringgit.

Pengiran Sharifuddin berkata, muzium itu akan mempunyai sa-orang pegawai teksi-dami, Awang Abdul Rahim b.

Ahmad yang sekarang berada di-Kuala Lumpur kerana menjalani satu kursus pegawai teksi-dami selama 18 bulan di-Muzium Negara, di-Malaysia Barat.

Sa-orang lagi kakitangan muzium Awang Jock Seng sedang menuntut di-sabuaah universiti di-Britain dengan biasiswa kerajaan selama tiga tahun untuk menuntut ilmu masyarakat kajian manusia.

Muzium tersebut pada minggu lalu telah menghantar sa-

orang lagi kakitangan-nya, Awang Lai Huat ka-New Zealand.

Beliau akan menjalani satu kursus selama 18 bulan untuk menjadi pegawai perpustakaan dan akib di-Perpustakaan Negara di-Wellington.

## Peladang Kg. Batong melawat Kilanas

**KILANAS.** — Sa-ramai 49 orang anggota Persatuan Peladang Kampong Batong telah melawat Pusat Pertanian Kilanas minggu lalu untuk menyaksikan penggunaan sechara praktik chara2 pertanian yang moden.

19 Orang dari anggota2 itu ada-lah perempuan.

Lawatan tersebut mengakhiri satu kursus selama seminggu yang telah di-anjurkan oleh Jabatan Pertanian bagi peladang2 di-kampong mereka.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pertanian berkata, setakat ini, anggota2 dari 41 buah persatuan peladang telah mengahdhiri kursus2 yang sama di-kampong2 mereka.

Jabatan Pertanian telah juga menganjurkan kursus yang sama kepada ahli2 Persatuan Peladang Kampong Luagan Dudok yang telah berakhir pada hari Ahad yang lalu.

Sa-kumpulan dari ahli2 persatuan itu telah juga mengadakan lawatan ka-Kilanas pada hari Isnin lepas sa-bagai menamatkan kursus yang mereka jalani itu.

## Hubongan Talipon untuk baiki kerosakan Letrik

**BANDAR BRUNEI** — Ketua Jurutera Letrik Awang J. E. White telah mengumomkan nombor2 talipon baru bagi membuat pengaduan2 kerana sebarang kerosakan letrik di-Bandar Brunei.

Beliau meminta pengguna2 letrik supaya menalipon 2087 atau 2088 jika mereka ingin diperbaiki sebarang kerosakan atau pun untuk mendapatkan jawapan2 atas pertanyaan2 mengenai letrik.

Talipon2 baru itu di-adakan di-Pejabat Letrik di-Gadong, di-mana semua jenis kerja2 perbaikan akan di-uruskan di-masa2 hadapan.

# Penyatuan kerja2 menghapus Malaria

**BANDAR BRUNEI**— Projek Penghapusan Malaria pada masa ini melibatkan kerja2 menyem-bor ubat DDT dan memberikan rawatan penoh kepada kejadian2 penyakit Malaria yang telah di-pastikan.

**Ranchangan Penghapusan Malaria pada peringkat ini telah dapat di-chapai sa-telah di-jalankan langkah2 melawan Malaria selama sa-tahun. Langkah2 itu berhasil membendong berjangkit-nya penyakit Malaria di-seluruh pelusok negeri.**

Ketua Projek Penghapusan Malaria Dr. Yao Tsing Wu yang telah mensifatkan ranchangan projek yang berjalan sekarang ini sebagai peringkat penyatuan berkata, hampir2 sembilan ratus ribu ringgit akan di-belanjakan untuk melaksanakan kerja2 ini dengan jaya-nya.

Dr. Wu berkata, seluruh negeri ini akan di-letakkan di-bawah peringkat penyatuan itu sa-hingga tahun 1969.

## GERAKAN MEMERHATI

Kegiatan2 yang paling penting dalam masa peringkat penyatuan itu di-jalankan ia-lah gerakan memerhati dengan teliti yang di-asaskan untuk meliputi segala2-nya, penumpuan kerja2 menyem-bor ubat DDT dan langkah2 mengubat untuk menghapuskan kawasan2 asal penyakit Malaria itu.

Mulai awal tahun ini, kedua2 usaha, ia-itu kerja2 mengesan sechara pasif dan juga sechara aktif telah pun di-anjurkan dan di-laksanakan.

## PERINGKAT PENYATUAN

Dr. Wu sa-lanjut-nya menyatakan, dalam masa peringkat penyatuan itu di-jalankan, pemerhatian2 biasa terutama mengenai padat pembawa2 penyakit Malaria akan di-usahakan sekali pada tiap2 bulan di-kawasan2 pemilehan yang tertentu sa-lepas kerja2 menyem-bor di-berhentikan.

Penyasatan bagi kajian wabak penyakit Malaria akan juga di-laksanakan di-kawasan2 asal penyakit itu yang telah di-pastikan atau di-shakiki menyebabkan jangkitan.

## Memilih chalon Ketua Kampong bagi Bt. Udal

**TUTONG.** — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pgn. Anak Mohamed Salleh telah mempengerusikan majlis meletakkan nama2 bagi ketua Kampong Bukit Udal minggu lepas.

Orang2 Kampong yang berhimpun di-dewan balai raya kampong itu menhadangkan

dua nama, ia-itu Awang Jian bin Runtop dan Awang Perak bin Nayud untuk memenohi satu jawatan kosong di-sebabkan oleh kematian bekas ketua kampong itu pada tahun lalu, Awang Runtop bin Panglima Engkar.

Pengiran Othman berkata, di-bawah peratoran bagi memilih sa-orang ketua kampong, nama2 chalon hendaklah di-kemukakan terlebih dahulu kepada kerajaan untuk di-siasat.

Satu pemilehan kemudiannya akan di-adakan di-kampong tersebut bagi memenohi jawatan kosong itu.

## GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21 Jun, 1967 hingga ka-hari Selasa 27 Jun, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini:—*

| Hari   | Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|--------|-------|--------|------|--------|------|-------|-------|-----------------|
| 21 Jun | 12-28 | 3-48   | 6-39 | 7-51   | 4-37 | 4-52  | 6-09  |                 |
| 22 Jun | 12-28 | 3-48   | 6-39 | 7-51   | 4-37 | 4-52  | 6-09  |                 |
| 23 Jun | 12-28 | 3-48   | 6-39 | 7-51   | 4-37 | 4-52  | 6-09  |                 |
| 24 Jun | 12-28 | 3-48   | 6-39 | 7-51   | 4-37 | 4-52  | 6-09  |                 |
| 25 Jun | 12-28 | 3-48   | 6-39 | 7-51   | 4-37 | 4-52  | 6-09  |                 |
| 26 Jun | 12-29 | 3-49   | 6-40 | 7-52   | 4-38 | 4-53  | 6-10  |                 |
| 27 Jun | 12-29 | 3-49   | 6-40 | 7-52   | 4-38 | 4-53  | 6-10  |                 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.*

# Kelab Penerbangan Di-Raja mula adakan latehan

**BANDAR BRUNEI**—Para anggota Kelab Penerbangan Di-Raja Brunei telah mula mengadakan latehan penerbangan berikutan dengan ketibaan sa-buah kapal terbang jenis "Cessna" yang telah di-sewa oleh Kelab itu dari perkhidmatan2 udara Malaysia, di-kuala Lumpur.

Setiausaha Pentadbiran Kelab itu, Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indera menyatakan semalam anggota2 kelab telah membuat penerbangan sa-banyak 22 jam dalam masa sa-minggu dengan menggunakan kapal terbang yang di-sewa itu.

Awangku Idris berkata, anggota2 sangat tertarik hati hendak terbang dan Kelab sedang bersungguh2 merancang hendak menyewa sa-buah lagi kapal terbang latehan untuk memenohi permohonan itu.

Terdahulu dari itu, Kelab Penerbangan telah memohon satu pinjaman wang dari Kerajaan untuk membeli sa-buah kapal terbang latehan, dan penyewaan kapal terbang

jenis Cessna itu, kata Awangku Idris, di-lakukan sa-hingga pinjaman itu berhasil.

Sementara itu, Kelab tersebut telah melancarkan satu kumpen untuk menarik lebih ramai lagi anggota. Untuk tujuan ini, satu majlis ramah tamah akan di-adakan di-Rumah Kelab bertempat di-Lapangan Terbang Berakas pada 25 Jun dalam mana tetamu2 akan di-berikan penerbangan perchuma.

Awangku Idris menyatakan, pelajaran2 untuk terbang diberikan pada hari Isnin dan Rabu dan sharahan2 mengenai pemanduan kapal terbang disampaikan oleh Ketua Juru Lateh Terbang, Warrant Officer, J. Riddough.

wa wang telah di-untukkan bagi tujuan tersebut dan kerja2 akan di-serahkan kepada tawaran.

Juruchakap itu berkata, apabila sistem parit telah diperbaiki, parit2 akan dapat menerima ayer yang melimpah sechara tiba2 akibat hujan lebat.

Kerja2 itu mengkehendakki juga dasar parit itu di-churamkan dengan betul supaya ayer akan dapat mengalir tanpa gangguan ka-tempat keluar-nya.

Parit2 yang lebih luas dan dalam akan juga memudahkan kerja2 memelihara-nya supaya bebas dari tersumbat dengan sampah sarap dan kekotoran..

## Larangan mengimpot babi dari Malaysia Barat

**BANDAR BRUNEI**. — Pengarah Pertanian Awang K. G. Malet telah mengenakan lagi larangan ka-atas langkah membawa masuk babi dari Malaysia Barat memandangkan kepada penyakit demam babi di-Persekutuan itu maseh berlaku.

Walau bagaimana pun, larangan itu tidak melibatkan impot sechara langsung babi2 dari Singapura, kerana Republik itu tidak di-serang oleh penyakit tersebut.

Awang Malet berkata, babi2 dari Singapura di-benarkan dibawa masuk dengan syarat babi2 itu di-bawa terus ka-tempat penyembelahan-nya, dan tidak di-benarkan berchampur dengan babi2 sa-tempat, dengan apa jua chara pun.

Kenderaan dan bakol2 yang membawa babi2 yang di-impot itu akan di-bunuh kuman2-nya sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai penyakit haiwan.

Ada-lah mustahak untuk di-hadkan impot babi2 itu, kerana negeri ini sangat2 bergantung kepada negeri2 tetangga bagi bekalan babi2 untuk di-sembeleh.

Larangan sa-penoh-nya akan menimbulkan kenaikan harga daging2 babi dan menyebabkan kesukaran yang tidak berpatutan kepada pembeli-nya.

## PEGAWAI2 POS MELAWAT PEJABAT BESAR POS, K.L.

**BANDAR BRUNEI**. — Satu rombongan tujuh orang kakitangan2 pos, yang di-ketuai oleh Ketua Pos Agong Awang Haji Ali Khan telah berlepas dari Brunei menuju ka-Kuala Lumpur pada hari Khamis lepas untuk memerhati kerja2 di-pelbagai bahagian Pejabat Besar Pos di-situ.

Awang Haji Ali Khan berkata, rombongan-nya akan mengkaji sechara khusus kerja2 merinyu2 pos dan peman-du2 kenderaan pos, kerja2 menguruskan bahagian yang menyelenggarakan bungkosan2 perdagangan, tabong simpanan pos, dan chara2 mengendalik-mel.

Rombongan itu akan berlepas dari Kuala Lumpur pada 22hb. Jun menuju ka-Singapura kerana kajian serupa itu di-Pejabat Pos Besar Singapura.

Turut juga berlepas ka-Malaysia Barat dengan kapal terbang yang sama pada hari itu ia-lah pemangku Kadhi Besar, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Pemangku Kadhi Besar itu akan melawat Kelantan, Selangor, Perak, Johore dan Singapura kerana lawatan sambil belajar selama tiga bulan.

## Pegawai2 Polis Ka-Malaysia

**BANDAR BRUNEI**. — Dua orang pegawai kanan polis telah berlepas dari Brunei menuju ka-Malaysia Barat hari Sabtu lepas untuk menjalani kursus latehan pemerintah selama tiga bulan di-Sekolah Latehan Kuala Kubu dekat Kuala Lumpur.

Mereka ia-lah A.S.P. Pengiran Umar bin Pengiran Haji Apong dan A.S.P. Chua Kwong Leng.

## Langkah elakan banjir —parit2 kawasan bandar akan di-baiki

**BANDAR BRUNEI**. — Lembaga Bandaran Bandar Brunei tidak lama lagi akan meluas dan mendalamkan parit2 dalam kawasan bandaran untuk menghapuskan banjir yang berlaku dengan tiba2.

Sa-orang juruchakap lembaga bandaran itu berkata baha-

## SITUYU MINGGU INI

LAMPONG MERAH BUKAN YA MENAHAN,  
TAULIH SAJA KA-KIRI  
DAN KA-KANAN...



KECHERMATAN ASAS KESELAMATAN!



## SUKONGKAN TERHADAP PERANAN BAHASA

PENGUNAAN Bahasa Melayu di-Brunei tidak ragu2 lagi boleh-lah di-anggap semakin bertapak dan berkembang maju, malahan ia-nya berjalan terus sa-kali pun ada rentangan2 yang timbul.

Sesuai dengan peranan-nya sa-bagai bahasa rasmi negara yang chukup dengan hitam putih-nya ia-itu terkandung dalam perlembagaan, 1959 maka memang wajar penghormatan di-berikan kepada-nya — penghormatan yang bukan sa-chara terpaksa, tetapi di-dorong oleh kesedaran menghormati pada sa-suatu yang di-hormatkan dan di-utama-makan oleh negara.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Awang Jamil tidak ragu2 lagi telah mensifatkan Bahasa Melayu sa-bagai lambang "ta'at setia". Maka itu wajar-lah ia-nya di-pelajari oleh orang2 yang belum mengetahui-nya dan meluaskannya penggunaan-nya bagi orang2 yang sudah tahu, apa lagi pada orang2 yang mewarisi bahasa itu sa-bagai bahasa ibunda.

Bukan sa-takat itu saja, Pengarah DBP itu telah membuat seruan yang di-tujukan khas kepada pegawai2 Kerajaan supaya menggunakan Bahasa Melayu dalam hubungan surat menyurat rasmi, dan bersedia membantu pegawai2 itu jika mereka menghadapi sa-barang kemuskilan istilah2 dan sa-suatu yang berkaitan dengan penggunaan Bahasa Melayu.

Malahan dengan jelas-nya beliau menyatakan bahawa meski pun dasar Kerajaan ia-lah untuk menjadikan Bahasa Melayu Bahasa Rasmi namun sa-tengah2 pegawai Kerajaan sendiri masih terus menggunakan bahasa lain dalam surat menyurat rasmi.

Beliau merasa puas hati dan berterima kasih kepada sharikat2 dan firma2 di-negeri ini yang di-sifatkan beliau sa-bagai menghargai dan menganggap betapa mustahak-nya Bahasa Melayu itu.

Lazim-nya, sa-suatu usaha itu kalau tidak di-seriai dengan sokongan kuat, lebeh2 lagi orang2 yang ada dalam yang menaja usaha itu, maka tidak-lah diragukan kalau apa yang di-usahakan itu sukar hendak berjalan lancar dan mungkin terbantut bagitu saja.

Kerajaan berazam untuk menjadikan Bahasa Melayu itu benar2 rasmi di-gunakan di-negeri ini dan sukongan2 memang sudah kena pada tempat-nya di-berikan bagi mendukung chita2 itu, lebeh2 lagi pada sa-tiap anggota yang berada dalam Kerajaan.

Pendek-nya, kerjasama adalalah perlu dan lebeh2 lagi pada diri orang2 Melayu sendiri haruslah menyedari kedudukan ini dan harus-lah sama2 mendaulatkan Bahasa Melayu — Bahasa Ibunda kita — yang di-jadikan bahasa rasmi Negara.

# Pembinaan maktab perguruan dan sekolah pertukangan

**SA-BUAH** maktab perguruan yang baru telah di-ranchangkan bagi negeri ini untuk menggantikan maktab perguruan yang ada sekarang di-Berakas.

Maktab itu akan di-bena di-Gadong dekat Bandar Brunei dan akan mempunyai kemudahan2 bagi 400 orang guru pelateh, 200 dari mereka perempuan.

Pengelola latehan guru Awang A. D. Bumford menerangkan, pelajar2 di-maktab itu akan menjalani satu kursus sa-lama tiga tahun, yang mana dua tahun akan di-tumpukan kepada mempelajari ilmu pengetahuan serta kaedah2 mengajar sa-chara teori di-ikuti dengan mengajar sa-chara praktik sa-lama sa-tahun.

Untuk tujuan ini, Sekolah Melayu Gadong akan di-bena sa-mula sa-chara istimewa untuk di-jadikan sa-bagai sekolah latehan bagi maktab baru itu.

Guru2 pelateh akan di-bahagikan kepada dua aliran, satu aliran kerana menampung pemegang2 Sijil Pelajaran Rendah dan yang satu lagi untuk pemegang2 Sijil Persekolahan Kambridge.

Guru2 pelateh yang mempunyai sijil pelajaran rendah akan di-berikan latehan untuk mengajar darjah2 rendah, sementara mereka yang mempunyai sijil persekolahan Kambridge akan di-berikan latehan untuk mengajar darjah2 rendah atas, dan darjah2 menengah bawah.

Bahasa Melayu dan Inggeris akan di-jadikan bahasa Pengantar.

Pelajar2 Melayu akan menjalani kursus itu dalam bahasa Melayu, sementara bahasa Inggeris di-jadikan bahasa kedua.

Pelajar2 bukan Melayu akan mengikuti kursus itu dengan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa pengantar sementara bahasa Melayu di-jadikan bahasa kedua.

Awg. Bumford berkata, pelajar2 bukan Melayu di-kehendaki mahir dalam bahasa Melayu dan untuk tujuan ini 10 hingga kepada 15 waktu mata pelajaran akan di-tumpukan kepada pengajaran Bahasa Melayu kepada guru2 pelateh bukan Melayu itu.

Maktab perguruan baru itu yang di-taksirkan berharga enam juta, seratus lapan puluh ribu ringgit akan di-bena di-satu kawasan sa-luas 35 ekar.

Ia-nya akan mempunyai 13 buah bilek darjah, tujuh bilek

khas, sa-buah bilek makmal bahasa, sa-buah bilek ilmu 'alam, dua buah makmal sains, sa-buah bilek kesenian dan pertukangan tangan, sa-buah bilek urusan rumah tangga dan sa-buah bilek bagi bahan2 mengajar yang dapat di-lihat.

Pelajar2 akan tinggal dalam kawasan maktab itu dan asrama2 yang berasingan telah di-ranchangkan bagi pelajar2 lelaki dan perempuan.

Maktab baru itu akan juga mempunyai sa-buah kolam bernang dan sa-buah Masjid.

Sementara itu persiapan bagi pembinaan tiga buah sekolah pertukangan yang di-chadangkan untuk negeri ini, di-katakan berjalan dengan baik dekat Bandar Brunei, Tutong dan Kuala Belait.

Sekolah2 itu ia-lah untuk pekerjaan dalam jurusan pembinaan rumah di-Batu Lima Jalan Muara, untuk jurusan kejuruteraan di-Kuala Belait dan untuk jurusan khas di-Tutong.

Pembinaan sekolah2 tersebut telah di-luluskan oleh kerajaan supaya beliau2 negeri ini dapat di-lateh untuk menggantikan pekerja2 dari luar negeri yang sekarang bekerja dalam sharikat2 perusahaan dan dalam berbagai ranchangan pembangunan yang di-lancarkan oleh kerajaan.

Pegawai Pelajaran Teknikal, Tuan G. W. Deakins yang bertanggung jawab bagi merancang projek sekolah2 pertukangan itu berkata, sekolah2 itu akan memberi kesempatan penoh kepada penuntut untuk memperbaiki diri mereka dalam lapangan sokan dan olah raga.



Pengarah Pelajaran Negara  
Dato Paduka MacInnes

Tiga buah sekolah itu akan di-lengkapkan dengan kemudahan2 bagi sokan dan olah raga yang akan merupakan bahagian penting kegiatan2 khas penuntut2 itu.

Tuan Deakins berkata sekolah latehan jurusan khas di-Tutong yang di-taksirkan memakan belanja sa-banyak enam juta dua ratus ribu ringgit untuk 480 orang budak2 lelaki, akan di-bena di atas tanah tinggi sa-luas 60 ekar, yang letak-nya di-antara sungai dan laut.

Kerja2 menyiapkan tapak sekolah tersebut telah berjalan dalam beberapa bulan ini dan sekarang bergerak dengan chepat.

Di-Jalan Muara dekat Bandar Brunei dan di-Kuala Belait kerja2 peringkat permulaan juga sedang berjalan dengan baik.

Semua sekolah2 itu akan mempunyai gelanggang sokan, dan gelanggang badminton.

Asrama2 sekolah itu akan mempunyai dua buah dewan. Sa-buah akan di-lengkapkan dengan meja pimpong dan yang sa-buah lagi untuk lain2 aktiviti saperti membaca, menulis, bermain dam, chator, dan terop.



Gambar bangunan Maktab Perguruan yang ada sekarang.

# Tambatan Kastam Brunei di-luaskan

**BANDAR BRUNEI** — Keadaan penuh sesak di-Tambatan Kastam Bandar Brunei telah dapat di-kurangkan sedikit berikutan dengan pembenaan sa-buah tambatan untuk pendaratan penumpang2 di-perayeran Subok.

Walau pun tambatan itu masih belum siap sa-penohnya, namun kapal2 kecil yang berulang akek di-antara tempat2 di-Brunei telah mula menurunkan penumpang2 di-kawasan itu.

Pengarah Laut Awang Jack Turner berkata, apabila ia-nya siap kelak, tambatan itu akan mempunyai sa-buah depoh pemeriksaan kastam dan imigresen.

Tambatan itu kemudian-nya

akan di-jadikan tempat perhentian bagi kapal2 kecil dan kapal2 penumpang yang berulang akek di-antara Brunei dengan bandar2 negeri tetangga Malaysia.

Awang Turner berkata, kerja2 sedang berjalan dengan chepat-nya untuk meluaskan dermaga Bandar Brunei.

Rancangan itu ia-lah untuk meluaskan dermaga atau tambatan kastam yang ada sekarang dengan 330 kaki kepada 730 kaki supaya pada bila2 masa kapal ketiga dapat berlaboh menghampiri tambatan tersebut.

Rancangan peluasan itu mengehendakki juga pembenaan sa-buah gudang baru. Ini akan di-dirikan di-penjuru sa-belah timur tambatan itu.

## PEGAWAI2 AMDB BERLATEH DI-LUAR NEGERI

**BANDAR BRUNEI** — Satu kumpulan tujuh orang pegawai dan askar2 biasa Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Sabtu lepas.

Mereka akan berada di-Kota Tinggi, Johore kerana menjalani lathen perang hutan selama enam minggu di-Sekolah Lathen Hutan di-Kota Tinggi.

Kumpulan Pasukan Askar

Melayu Di-Raja itu di-ketuai oleh Major I. M. E. Lloyd yang telah berlepas ka-negeri Johore pada hari Juma'at lalu dan termasuk juga Leftenan Muda Musa bin Yacob.

Dua orang lagi pegawai Askar Melayu di-Raja Brunei telah berlepas ka-Australia hari Ahad yang lalu kerana lathen di-Unit Sokongan Udara, Williamstown dalam bahagian New South Wales.

Kedua2 pegawai itu, Lt. Muda Awangku Abidin bin Pgn. Ahmad dan Lt. Muda Abdul Aziz b. Abdullah baru saja kembali dari Britain setelah tamat menjalani lathen sebagai pegawai pemerintah platoon.

## Stesen bas yang baru di-Bandar Brunei

**BANDAR BRUNEI** — Penggunaan bas dan teksi di-Bandar Brunei tidak lama lagi akan menunggu dengan rehat-nya kedatangan dan pemergian kenderaan2 dalam stesen bas baru yang di-bena sekarang.

Stesen bas baru itu hampir2 siap di-bena dan akan dapat di-gunakan sa-belum akhir tahun ini.

Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Brunei Awg. Ali bin Awang Besar berkata, bahawa stesen bas itu di-tak-sirkan menelan belanja sabanyak \$50,000 dan merupakan salah satu dari berbagai2 kemudahan yang di-ranchangkan bagi orang ramai yang menaik kenderaan.

Stesen baru itu akan mempunyai tempat2 duduk bagi penumpang2 yang menunggu kedatangan kenderaan.

Bas dan teksi yang berulang akek di-antara ibu kota dan lain2 bandar di-negeri ini akan memungut penumpang2 mereka di-hadapan stesen itu yang di-sediakan bagi tujuan2 tersebut. Ini ia-lah untuk menentukan bahawa penumpang2 tidak akan basah di-waktu hujan.

Satu tempat perhentian bas bagi perkhidmatan bas dari Bandar Brunei telah pun di-dirikan oleh Kelab Rotary di-Jalan Tutong dan sa-buah peti talipon untuk memanggil teksi telah di-pasang dekat dengan tempat perhentian besar teksi di-bandar tersebut.

## PEMBENAAN KEDAI2 BARU

**BANDAR BRUNEI** — Pembinaan beberapa blok bangunan baru untuk memudahkan kekurangan rumah2 kedai dan pejabat2 di-Bandar Brunei telah di-ranchangkan oleh saku kumpulan ahli2 perniagaan setempat yang akan di-bena di-Jalan Tutong, ia-itu satu batu dari tengah2 bandar Brunei.

Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Brunei Awang Ali bin Awang Besar berkata, ranchangan bangunan2 baru itu telah di-chadangkan kepada Lembaga Bandaran.

Lembaga Bandaran sebak-nya menyokong dan mengesorkan pelaksanaan-nya.

Hampir2 semua bangunan2 dan rumah2 kedai yang ada sekarang di-Bandar Brunei telah di-dirikan oleh kerajaan kira2 20 tahun yang lalu. Pada masa itu, ia-nya cukup untuk memenuhi keperluan.

Tetapi sejak dari itu, penduduk2 telah bertambah, perniagaan semakin luas, dan semua tempat2 yang boleh di-dapati di-ambil oleh sharikat2 dan ahli2 perniagaan.

Awang Ali menyatakan, ruang bagi pejabat2 dan rumah2 kedai masih di-perlukan kerana lebih banyak lagi sharikat2 dan kedai2 di-tubuhkan di-ibu kota, hasil dari ranchangan perkembangan kerajaan.

## Gerakan hapuskan babi2 hutan

**BANDAR BRUNEI** — Pekebun2 kecil dalam daerah Brunei Muara dan Tutong boleh mengharapkan hasil tanaman lebih baik pada tahun ini berikutan dengan gerakan2 besar jabatan pertanian untuk menghapuskan babi2 hutan.

Pekebun2 kecil telah mengadu bahawa babi2 hutan yang bermaharaja lela memasuki kebun2 tanaman mereka dan memusnahkan tanaman2 yang mereka tanam.

Dua bulan yang lalu, jabatan pertanian telah melancarkan satu kempen untuk menghapuskan babi2 hutan dalam dua buah daerah itu.

Mereka memerangkap babi2 hutan itu dengan menggunakan umpan2 beracun.

Sa-orang juruchakap jabatan pertanian berkata bahawa, 3,515 perangkap telah di-pasang, hampir2 pada tiap2 kampung dalam dua buah daerah itu.

Setakat ini, mereka telah menangkap 3,325 ekor babi hutan yang mana 2,350 ekor ia-lah dari daerah Brunei Muara.

## PERKHIDMATAN STESEN KUASA LETRIK

**BANDAR BRUNEI** — Jabatan Letrik telah memindahkan semua pekerja2 kerja luar-nya ka-Steshen Kuasa Letrik Gadong, di-mana semua kerja2 membaiki letrik di-jalankan sekarang.

Pekerja2 kerja luar itu juga menguruskan pengaduan2 dan keroskan2 dalam perbekalan letrik dan mereka boleh di-hubungi dengan menalipon 2087 atau 2088.

PENTADBIRAN

Ketua Jurutera Letrik Awg. James E. White berkata bahawa kakitangan2 jabatan-nya dari bahagian pentadbiran dan kira2 akan terus kekal dalam bangunan sekarang di-Bandar Brunei.

Ini-lah untuk kesenangan pengguna2 letrik yang datang ka-jabatan itu pada tiap2 bulan kerana membayar bil2 letrik mereka.

Awang White berkata, pemindahan janakuasa2 dan jentera2 dari steshen letrik di-

## DI-GADONG

bandar Brunei ka-Gadong dan lain2 tempat telah di-mulakan.

Dua buah janakuasa yang besar telah di-pindahkan ka-Gadong dan lewat tahun ini apabila kedua2 janakuasa ini telah di-pasang semula, empat buah janakuasa yang kecil akan di-pindahkan ka-Bangar di-daerah Temburong.

Janakuasa2 yang lain-nya ia-itu dua buah dari ukuran se-

derhana, kemudian-nya akan di-serahkan kepada jabatan ayer kerana tugas berjaga2 di-ranchangan baru ayer, daerah Tutong yang telah di-luluskan oleh kerajaan.

Awang White menyatakan, bangunan steshen kuasa letrik di-bandar Brunei akhir-nya akan di-runtuhkan juga tetapi ini tidak akan di-lakukan sehingga bangunan baru steshen kuasa letrik bagi ranchangan ayer di-Tutong telah siap di-bena untuk menerima pemasangan dua buah janakuasa itu.

## HOKI: SERIA KALAHKAN BRUNEI

**BANDAR BRUNEI** — Pasukan hoki perempuan S.R.C. telah mengalahkan pasukan hoki perempuan Bandar Brunei dengan empat gol tidak berbalas dalam satu perlawanan hoki untuk merebut Piala Rahman-Clark yang telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada hari Ahad

yang lalu.

Dalam sa-paroh masa yang pertama pasukan S.R.C. telah mendahului pasukan Brunei dengan dua gol tidak berbalas.

Pasukan S.R.C. telah membuat serbuan hebat dalam sa-paroh masa kedua dan mereka mendapat dua gol lagi.

## Jentera Pembajak "Kubota" untuk Peladang Sg. Kuru

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian dalam minggu lalu telah menghantar dua buah jentera membajak Kubota ka-Kampung Sungai Kuru di-Daerah Belait untuk membantu peladang dalam kerja2 membajak di-kawasan itu.

Ini berikutan dengan laporan2 dari pegawai2 pertanian bahawa peladang2 di-kampung tersebut mengusahakan tanah mereka sesuai dengan kaedah2 pertanian yang telah di-perkenankan.

Jentera2 itu akan di-pinjamkan kepada Persatuan Peladang2 Kampung tersebut dengan di-tentukan kadar sewa sa-banyak 80 sen bagi kerja2 yang di-buat dalam satu jam.

### JENTERA PEMBAJAK

Sa-orang juruchapak jabatan pertanian berkata, usaha2 serupa itu telah di-buat oleh lain2 persatuan peladang di-bahagian2 lain di-negeri ini.

Jabatan Pertanian setakat ini telah menghantar dua buah jentera pembajak ka-Temburong, dua buah ka-Labi, dua ka-Lamunin, dua ka-Jalan Muara dan empat buah ka-persatuan2 peladang di-daerah Brunei.

Jentera2 pembajak itu diselenggarakan oleh jabatan pertanian dan di-perbaiki ke-rosakan-nya oleh mekanik2 jabatan itu ketika ia-nya di-pinjamkan kepada persatuan2 peladang.

Pada minggu lepas ahli2 persatuan peladang Kampung Sungai Kuru telah bergotong royong membersehhkan tanah2 ahli2-nya di-kampung itu.

### GOTONG ROYONG

Setiasaha persatuan itu, Awang Abdul Hadis bin Tarif telah menerangkan bahawa kerja bergotong royong itu telah di-lakukan beberapa bulan yang lalu.

Sa-hingga sekarang ini, tegas beliau, lebih dari 25 ekar kawasan tanah telah pun di-bersehhkan dan di-tanami dengan sayur2an, buah2an dan ternakan.

Awang Abdul Hadis juga menyatakan bahawa persatuan Peladang Kampung Sungai Kuru itu telah di-luluskan pendaftaran-nya pada bulan Oktober yang lalu.

Persatuan itu telah mempu-

# JA WATAN-JA WATAN KOSONG

## SA-BAGAI PENOLONG PEGAWAI SETESEN DI-JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Pegawai Setesen dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba, Brunei.

### KELAYAKAN2:

- (a) Umor — di-antara 18 hingga 26 tahun.
- (b) Tinggi — sekurang2-nya 5' 4".
- (c) Dada — sekurang2-nya 34" bila di-kempiskan.
- (d) Lulus Form III atau yang sebanding dengan-nya dalam bahasa Inggeris dan Darjah IV Melayu.

### KESIHATAN:

Pemohon2 mesti-lah berbadan tegap dan mesti-lah lulus ujian kekuatan saperti yang di-kehendaki dalam Perkhidmatan Bomba.

### LATEHAN:

Chalon2 yang berjaya mesti-lah lulus dalam Darjah Latehan Pegawai Tempatan dan boleh jadi ki-kehendaki menjalani latehan di-seberang laut.

### MENJALANKAN TUGAS2:

Chalon2 yang berjaya apabila di-daftar mungkin di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba dalam Negeri ini.

### GAJI:

Dalam sukatan gaji P.3 (\$290x5 - 300x10 - 320). (Kalau sa-saorang chalon yang berjaya daripada Pegawai Kerajaan kemasokkan-nya ka-dalam tingkatan gaji tersebut akan di-pertimbangkan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam).

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 berserta dengan Chatetan Perkhidmatan lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Pegawai Perkhidmatan Bomba, Brunei tidak lewat daripada 28 Jun, 1967.

## SA-BAGAI

## BIDAN DI-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari mereka yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Bidan di-Pusat Perkhidmatan Askar Melayu Di-Raja, Berakas Kem, Brunei.

### KELAYAKAN2:

Mesti-lah mempunyai pengalaman sa-bagai Bidan yang berkelayakan selama dua tahun.

### GAJI:

Dalam sukatan gaji \$200x10 - 230/EB/240x10 - 270.

Tempat kediaman, pakaian2 seragam dan dhobi perchuma akan di-sediakan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Julai, 1967.

## CHALON KETUA KG. PADNUNOK

TUTONG. — Dua orang chalon telah di-daftarkan sa-bagai chalon2 ketua Kampung bagi Kampung Padnunok, dalam Mukim Kiudang di-Daerah Tutong.

Chalon2 itu ia-lah Awang Johari bin Bungsu dan Awang Sumin bin Ampil.

Majlis menamakan chalon2 ketua kampung itu telah di-langsungkan pada hari Sabtu lepas di-Sekolah Melayu Kiudang, Tutong dan telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pgn. Othman bin Pgn. Anak Mohammad Salleh.

Chalon yang berjaya memenang jawatan Ketua Kampung Padnunok itu akan di-umumkan kemudian oleh Pegawai daerah Tutong.



Gambar atas kelihatan Yang Di-Pertua Persatuan Peladang Sg. Kuru, Awang Daud bin Lian sedang berlatih menggunakan jentera pembajak 'Kubota' yang di-perbantukan oleh Jabatan Pertanian.

## Sokan Brunei dan Miri: KEJAYAAN BRUNEI MENGGALAKAN

SERIA—Ahli2 Sokan Brunei telah menchapai kejayaan yang menggalakkan dengan memenangi 20 pertandingan apabila pasokan pilehan Brunei melawan Daerah Miri dalam satu pertandingan perchubuan sokan yang telah di-adakan di-Gelanggang Sukan Seria pada Ahad, 11 Jun lepas.

Ahli Sokan Brunei telah membuat tiga rekod baru, ia-itu dua rekod di-chipta oleh peserta perempuan dan yang lagi satu oleh peserta lelaki. Mereka juga membuat kejayaan dengan memenangi lari berganti2 400 meter bagi lelaki dan perempuan.

### REKOD BARU

Pasokan Miri yang telah memenangi tujuh pertandingan yang lain-nya, juga menchapai yang lain-nya, juga menchapai kejayaan dengan memperbaiki rekod daerah mereka sendiri dan memecahkan rekod Negeri Sarawak selama tujuh tahun dalam pertandingan melompat piring bagi perempuan.

Dalam bahagian lelaki, Awang Rani Metassan telah dapat memperbaiki lagi rekod sa-negeri Brunei yang di-buat-nya sendiri dalam pertandingan lompat pagar 110 meter dari 16.1 sa'at yang di-buat-nya pada bulan lalu kepada satu masa baru ia-itu 15.6 sa'at.

### MELIMPAR PIRING

Dalam bahagian perempuan, Dayang Marina Metali menchapai masa 13.2 sa'at bagi pertandingan lumba lari 100 meter untuk memperbaiki rekod sa-negeri dengan perpu-lohan 4 sa'at dari masa yang telah di-buat oleh Dayang Lim Geok Kheng pada tahun ini.

Kejayaan yang paling baik sa-panjang hari itu telah di-buat oleh sa-orang wanita dari Miri, Seah Kim Fah yang telah berjaya memecahkan rekod sa-negeri Sarawak yang di-buat oleh-nya tujuh tahun yang lalu dengan satu inchi dalam pertandingan melompat piring ia-

itu dengan satu limparan sa-jauh 99 kaki, 2½ inchi.

Di-kalangan peserta lelaki pula, Awang Denis Staple berjaya melompat 11 kaki, 5½ inchi dalam pertandingan lompat bergalah, ia-itu dua inchi lebih baik dari rekod-nya sendiri yang telah di-buat oleh-nyt di-Miri pada awal tahun ini.

Peserta veteran A. Sibidol telah memenangi dua dari tiga pertandingan yang di-sukai-nya, dengan mendapat tempat pertama dalam pertandingan melompat piring dan membuang peluru. Ia telah mendapat tempat kedua sa-lepas Corporal Paran dari Miri dalam pertandingan melontar lembing.



Marina Metali yang telah berjaya memperbaiki rekod lumba lari 100 meter.



Rani Metassan berjaya memperbaiki rekod-nya dalam lompat pagar 110 meter.

## PEMBENTOKAN MAJLIS SOKAN LANGKAH UNTUK MEMASOKI SOKAN ANTARA BANGSA

BANDAR BRUNEI— Para wakil pertubohan2 sokan di-seluruh negeri tidak lama lagi akan mengadakan pertemuan di-Bandar Brunei, kerana membincangkan pembentokan sa-buah Majlis Sokan untuk negeri ini.

Sa-buah jawatankuasa sementara sudah pun di-tubuhkan dengan Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indera sa-bagai setia-usaha-nya.

Awangku Idris berkata, sa-buah majlis saperti itu ada-lah mustahak jika Brunei ingin menunjukkan kebolehan sokan-nya dalam perlawanan2 sokan antara-bangsa.

Tujuan mengadakan majlis yang di-ura2kan itu ia-lah untuk memupok dan menggalakkan sokan dan memelihara tuboh badan yang tegap dan sehat di-kalangan orang ramai supaya dapat mereka mengambil bahagian dalam semua jenis sokan pada peringkat kebangsaan, antara wilayah dan antara bangsa.

Jawatankuasa sementara yang di-bentuk telah merangkakan satu undang2 bagi majlis itu. Ia-nya kelak akan di-kaji dalam sidang perwakilan sa-belum di-kemukakan kepada kerajaan untuk di-luluskan.

Ak, Idris berkata, rangka undang2 tuboh itu membolehkan majlis bergabung dengan

pertubohan2 sokan dunia, saperti Jawatankuasa Olympik Antara Bangsa.

Ia-nya juga di-susun untuk menjamin kemajuan kegiatan2 sokan pada semua peringkat.

## Perlumbaan basikal anjonan PGGMB

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei akan menganjorkan perlumbaan basikal bagi kali yang ketiga pada 7 Julai, 1967.

Perlumbaan itu terbahagi kepada dua bahagian ia-itu lelaki dan perempuan

Jauh perlumbaan bagi lelaki ia-lah 16 batu — berlepas dari Pekan Muara, sementara bahagian perempuan pula sa-jauh 8 batu — berlepas dari Sekolah Melayu Sungai Hanching.

Kedua2 perlumbaan itu akan berakhir di-hadapan bangunan P.G.G.M.B., Bandar Brunei.

Orang2 yang ingin memasoki perlumbaan tersebut bolehlah berhubung dengan pengerusi perlumbaan, Awang Mohamad bin Ismail, Maktab Perguruan Melayu, Brunei untuk mendapatkan borang2 pendaftaran dan sharat2 bagi perlumbaan tersebut.

Tarikh penutup pendaftaran untuk memasoki perlumbaan ia-lah 29 Jun, 1967 jam 4-00 petang.

## Perlawanan Tinju 15 Jun di-tunda kapada 30 Jun

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Tinju bagi belia2 seluruh negeri yang telah di-jadualkan berlangsung di-Bandar Brunei pada 15 Jun telah di-tangguhkan kapada 30 Jun ini apabila sekolah2 berada di-dalam percutian.

Perlawanan tersebut akan di-adakan di-tempat penarohan kereta Dewan Kemashara-

katan, Bandar Brunei.

Sa-orang juruchakap Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei berkata bahawa penangguhan itu di-amil untuk membolehkan lebih ramai lagi murid2 sekolah memasoki perlawanan itu kerana mereka tidak akan menghadhiri sekolah dalam masa percutian itu. Setakat ini, sa-banyak 12

permohonan dari Seria, satu dari Tutong dan 12 dari Bandar Brunei telah di-terima untuk bertanding dalam perlawanan itu.

Terlawanan Tinju yang di-anjorkan khusus untuk pemuda2 ada-lah di-buka kapada pemuda2 di-sekolah2, kelab2 budak2 dan lain2 pertubohan sokan.

# Talikom lantek wanita2 sa-bagai "operator telepon"

**BANDAR BRUNEI** — Jabatan Talikom telah melantek beberapa orang wanita untuk di-lantek sa-bagai petugas2 papan swis guna memenohi panggilan2 telepon yang semakin bertambah di-bawah rancangan perkembangan jabatan itu.

Pemangku Penguasa Pengawasan Talikom Awang R. J. Bell berkata, wanita2 itu dipilih dari wanita2 sa-tempat untuk bekerja dengan kakitangan2 papan swis yang ada sekarang, yang terdiri dari petugas2 lelaki dan perempuan yang bertugas di-ibu sawat telepon, Bandar Brunei.

Menurut perkembangan jabatan talikom, Bandar Brunei ia-nya akan mempunyai ibu sawat telepon automatik yang boleh menguruskan 3,300 buah telepon, berbanding dengan 800 buah yang ada sekarang.

Awang Bell berkata, kelengkapan2 automatik bagi telepon2 tambahan itu telah pun tiba di-negeri ini dan kerja ini sedang berjalan dengan lancar.

Kelengkapan2 automatik itu memerlukan perubahan ka-

pada bangunan ibu sawat telepon yang ada sekarang untuk mengadakan tempat bagi kelengkapan2 baru itu.

Sa-buah tingkat atas akan di-tambah kepada bangunan tersebut untuk menempatkan papan2 swis telepon yang diuruskan dengan tangan, sa-

buah bilek untuk berehat dan bilek2 pejabat bagi kakitangan2.

Kerja memasang kelengkapan2 automatik2 yang di-tambah itu, di-jangka siap dalam bulan Mei tahun depan dan seluruh projek itu akan siap di-bena menjelang akhir tahun 1968.



Sa-orang pekerja wanita kelihatan sedang bertugas di-bahagian Telepon.

## HARI KEPUTERAAN NABI MOHD. s.a.w.

(Dari muka 1)

Suasana perarakan itu telah berjalan dengan lancar-nya sungguh pun chuacha redup dan hujan renyai2.

Sa-bagai kepala jalan perarakan itu telah di-dahului oleh Pencharagam Pulis Di-Raja Brunei dan di-ikuti oleh ahli2 jawatankuasa perayaan yang antara-nya kelihatan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Berhormat2, Penulong2 Menteri dan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pencharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei telah juga mengambil bahagian dalam perarakan itu.

Kira2 dua jam kemudian, peserta2 perarakan itu telah berhimpun sa-mula di-Padang Besar Bandar Brunei untuk mendengar sharahan2 dan ucapan2 mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Mohammad s.a.w.

Di-antara yang menyampaikan ucapan2 ia-lah Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin serta pengerusi sambutan, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang

Besar.

Sharahan khas mengenai Maulud telah di-sampaikan oleh Sahibol Fadzilah Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei.

Pemangku Menteri Besar, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya.

Sementara itu, Daerah Belait akan mengadakan perayaan serupa pada 25 Jun ini.

## AWANG

F. D. WEBBER  
KA-LONDON

**BANDAR BRUNEI** — Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang F.D. Webber di-jadualkan bertolak ka-London hari ini untuk mengadakan perundingan biasa dengan Setiausaha Negara bagi Kommonwealth.

Sa-masa berada di-London beliau di-jangka akan menemui Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin yang pada masa ini bersemayam di-Britain dalam bidang lawatan baginda mengelilingi dunia.

## DERMA KENANGAN MAULUD

**BANDAR BRUNEI** — Satu kutipan derma bagi tabong Derma Kenangan Maulud telah mula di-jalankan sejak 9 Jun yang lalu di-seluruh negeri. Kutipan menchari derma dari orang ramai itu akan berjalan sa-lama sa-bulan.

Sa-orang juruchapak Jawatankuasa Derma Kenangan Maulud 1967 menyatakan bahawa gerakan menchari derma dari orang ramai itu telah dimulakan sejak tahun 1965 yang telah mendapat sambutan dan kejayaan yang memuaskan.

Kata-nya, dasar derma kenangan itu mempunyai dua tujuan besar ia-itu Rancangan Jangka Pendek dan Ranche-

ngan Jangka Panjang.

Menurut rancangan jangka pendek menetapkan bahawa sa-bahagian dari kutipan tersebut di-jadikan peruntukan Dermasiswa bagi murid2 yang di-fikirkan layak melanjutkan pelajaran ka-peringkat lebih tinggi.

Rancangan jangka panjang pula menetapkan bahawa sa-bahagian dari kutipan itu di-peruntukan bagi membina Rumah Sewa yang dinamakan "Rumah Kenangan Maulud".

Juruchapak itu menambah, apabila hasil sewa rumah itu telah di-fikirkan mencukupi, maka wang itu akan di-gunakan bagi membela nasib dan kehidupan umat Islam di-negeri ini.

Chara2 kutipan itu di-jalankan ia-lah dengan jalan menjual lan-chana dari rumah ka-rumah, kedai2 dan tempat2 perhimpunan orang ramai, dan kutipan2 yang di-jalankan oleh pertubuhan2 belia.

## PAKAR PBB UNTOK KAJI PENDUDOK DAN PERANGKAAN MASHARAKAT DI-NEGERI INI

**BANDAR BRUNEI** — Kerajaan telah mendapatkan perkhidmatan sa-orang pakar Bangsa2 Bersatu untuk melancharikan kerja2 penyiasatan kajian penduduk2 dan perangkaan masyarakat negeri ini.

Awang Kurt Horstmann, sa-orang pakar mengenai kajian penduduk2 dan perangkaan masyarakat telah tiba di-Brunei dan akan berada di-negeri ini selama beberapa hari.

Dalam masa beliau berada di-negeri ini, Awang Horstmann akan mengkaji butir2 mengenai banchi penduduk2, dan banchi mengenai pertanian yang terakhir sekali, serta juga butir2 yang di-perolehi dari projek penghapus Malaria dan juga penyiasatan ilmu alam yang di-lancarkan baru2 ini.

Awang Horstmann kemudiannya akan mengeshorkan rancangan2 tentang chara2 dan bilakah masa-nya untuk melancharikan penyiasatan2 itu, dan akan kembali ka-ibu pejabat-nya di-Bangkok.

Beliau akan datang semula ka-Brunei lewat tahun ini.

Sa-orang juruchapak kerajaan berkata, hasil dari penyiasatan kajian penduduk dan perangkaan masyarakat akan di-jadikan asas bagi perkembangan masa depan negeri ini.

Hari Ahad lepas, Dr. Horstmann telah melawat Daerah Temburong dan beliau telah di-sambut oleh pegawai daerah Awang Johari bin Abdul Razak.

Sa-telah melawat beberapa tempat di-Bangar, ibu kota daerah itu kerana membuat penaksiran tentang keadaan hidup dan masyarakat di-situ, Dr. Horstmann telah mudek ka-ulu untuk melawat Amo, sa-buah kampung kaum Iban.

Beliau telah berchapak2 dengan beberapa orang dari masyarakat Iban di-kampung tersebut.

## Minggu pelajaran

**BANDAR BRUNEI** — Sambutan Minggu Pelajaran di-Sekolah2 Melayu di-negeri ini akan di-mulakan pada 25 Jun. 1967.

Orang ramai, terutama ibu bapa dan penjaga murid2 adalah di-jemput datang ka-sekolah yang mengadakan sambutan itu untuk menyaksikan acara2 sambutan.